

21,466 orang di PKPD sudah jalani ujian COVID-19
Astro Awani
26 April 2020

PUTRAJAYA : Seramai 21,466 orang di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sudah menjalani ujian COVID-19 sehingga 26 April 2020.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 638 kes atau 2.97 peratus didapati positif COVID-19.

"Didapati bahawa daripada jumlah positif COVID19 ini, seramai 388 kes (61 peratus) adalah bukan warganegara Malaysia dan baki 250 kes (39 peratus) pula adalah warganegara Malaysia," katanya dalam sidang media harian, di sini pada Ahad.

PKPD yang mempunyai kes-kes baharu pada hari ini adalah Menara City One Plaza (1 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 52 kes), Malayan Mansion (5 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 12 kes) dan Pusat Bandar Utara serta Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur (9 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 55 kes).

Bagi aktiviti tertumpu di madrasah atau sekolah tahfiz pula, sehingga 25 April 2020, seramai 6,229 orang pelajar, guru dan kakitangan telah menjalani ujian COVID-19.

Daripada jumlah itu, seramai 341 orang didapati positif COVID-19 (5.47 peratus).

Sementara itu, sehingga 24 April 2020 5 petang, seramai 12,672 orang telah menjalani ujian COVID-19 di stesen kuarantin yang menempatkan pengembara warganegara Malaysia yang balik dari luar negara.

Daripada jumlah itu, 139 orang atau 1.1 peratus didapati positif COVID-19.

"Daripada jumlah positif COVID-19 tersebut, negara yang telah dilawati adalah: 99 kes melawat Indonesia, 14 kes melawat United Kingdom, 13 kes telah Singapura, 5 kes melawat Turki, 3 kes melawat Belanda, 2 kes melawat Amerika Syarikat, 1 kes masing-masing melawat Thailand, Perancis dan Bangladesh.

"Ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pendekatan tertumpu yang diambil Kerajaan setakat ini telah menunjukkan hasil yang diharapkan. Ini diharap dapat mengekang penularan di kalangan kumpulan yang berisiko tinggi ini," tambahnya lagi.

KKM juga menjangkakan lebih banyak kes positif akan dikenal pasti dalam masa terdekat memandangkan aktiviti pendekatan tertumpu ini masih diteruskan.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/21-466-orang-di-pkpd-sudah-jalani-ujian-covid-19-240264>